

Sedia loker sekolah

Metro

24/8/12

MS 24

Atasi masalah beg pelajar berat

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta mempertimbangkan semula cadangan untuk menyediakan kemudahan loker di sekolah terutama sekolah rendah bagi menangani isu beg sekolah berat.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hassan berkata, langkah itu juga boleh mewujudkan sistem persekolahan yang lebih sistematik.

"Memang ada beberapa cadangan dikemukakan dan Kementerian Pelajaran sendiri, pihak sekolah, terutamanya ibu bapa dan guru, sedar mengenai perkara ini kerana kesannya membabitkan jangka masa panjang. Ia tidak baik kepada kesihatan dan postur kanak-kanak," katanya kepada Bernama.

Mohamad Ali berkata, beg berat turut menggambarkan sistem persekolahan yang tidak teratur dari segi jadual kerana murid harus membawa semua buku ke sekolah setiap hari.

"Jadi jalan keluar, antara lain adalah dengan menyediakan loker di sekolah, seperti kebanyakan sekolah di luar negara yang sudah lama mempraktikkan sistem sebegini," katanya dan menambah kata terdapat pelbagai mekanisme untuk melaksanakan usaha itu bagi mengu-

rangkan beban kos kerajaan.

Antaranya, kata beliau pengendalian kemudahan loker itu boleh diserahkan kepada pihak sekolah, koperasi sekolah ataupun PIBG.

"Ia juga boleh diserahkan kepada syarikat-syarikat luar dan kosnya mungkin boleh dicaj ke atas pelajar supaya mereka lebih bertanggungjawab ke atas benda yang diberi," katanya.

Presiden Persatuan Ibu Bapa Untuk Pendidikan Malaysia (PAGE) Datin Noor Azimah Abdul Rahim yang bersetuju dengan cadangan itu, berpendapat yuran yang diterima daripada pelajar untuk tujuan itu boleh digunakan bagi menampung keperluan lain di sekolah.

"Seperti di sekolah persendirian, memang kita sewa loker itu dan duit yang diperoleh daripadanya dapat digunakan bagi membiayai pelbagai keperluan lain," katanya.

Noor Azimah berkata, pelajar boleh menggunakan kemudahan loker untuk menyimpan barangan keperluan seperti pakaian, peralatan sukan dan kelengkapan lain, menjadikan mereka lebih bersedia untuk pelajaran.

"Terutamanya bagi sekolah yang mengutamakan kegiatan kokurikulum seperti sukan dan kegiatan badan seragam, kemudahan ini sangat membantu," katanya. -Bernama